

Napsiah tetap pertahan jawatan

Oleh Jamhariah Jaafar

BH 24 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar, menegaskan beliau tetap mempertahankan jawatannya walaupun tidak menyertai mana-mana regu dalam kemungkinan persaingan tiga penjurukan pada pemilihan pergerakan itu Mei depan.

Beliau berkata, mana-mana pihak tidak patut meminta beliau berkompromi selepas beliau dengan rela menarik diri daripada bertanding jawatan nombor satu bagi memberi laluan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

“Saya tahu akan memper-

tahankan jawatan saya, walaupun terpaksa menghadapi persaingan secara solo iaitu tanpa menyertai mana-mana pakatan.

“Mungkin ramai menyifatkan keputusan saya ini sebagai bakal membunuh karier politik saya, tetapi saya sanggup menghadapinya.

“Jika menang saya akan meneruskan khidmat kepada Wanita Umno, tetapi sekiranya kalah mungkin saya akan mengucap selamat tinggal kepada dunia politik,” katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, di sini, hari ini.

Napsiah yang awalnya menawarkan diri bertanding jawatan Ketua Wanita, me-

narik diri bagi memberi laluan kepada Rafidah menentang penyandang jawatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Ahli Parlimen Kuala Pilah itu kemudian mengambil keputusan mempertahankan jawatannya sebelum diminta sekali lagi oleh beberapa pihak supaya memberi laluan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Ternyata Napsiah kini tersepit antara calon Naib Ketua Wanita iaitu Shahrizat dan Ketua Wanita Perak, Aionon Khairiyah Mohd Abas, yang mempunyai regu

masing-masing.

Napsiah sebelum ini dipetik sebagai berkata sebagai kecil hati dengan tindakan Shahrizat kerana mungkin janji dalam isu bertanding sebagai Naib Ketua Wanita.

Enggan mengulas panjang kompromi yang dicadangkan. Napsiah berkata beliau perlu membuat keputusan tegas kerana tidak mahu diperlekeh mana-mana pihak terhadap sikapnya yang mudah bertolak ansur.

Menjawab soalan lain, Napsiah yang menjadi Naib Ketua Wanita sejak 1988, berkata keadaan yang sama berlaku pada pemilihan 1996

yang mana beliau juga tidak menyertai mana-mana regu.

“Justeru, saya menyerahkan keputusan muktamad kepada peringkat akar umbi. Mereka yang akan menentukan nasib saya. Tetapi bagi diri ini, semangat saya masih tinggi.

“Faktor usia tidak menjadi penghalang sekiranya kita masih mampu untuk menawarkan khidmat,” katanya.